

# **MAJLIS KHATAM AL-QURAN PERINGKAT MTU/MPOU TAHUN 1437H/2016M**



[airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/861-majlis-khatam-al-quran-peringkat-mtu-mpou-tahun-1437h-2016m](http://airforce.mil.my/berita/acara-rasmi/861-majlis-khatam-al-quran-peringkat-mtu-mpou-tahun-1437h-2016m)

KUALA LUMPUR, 29 Jun 16 – Majlis Khatam Al-Quran peringkat Markas Tentera Udara dan Markas Pemerintahan Operasi Udara (MTU/MPOU) bagi tahun 1437H/2016M telah diadakan di Surau Hidayah, Kementerian Pertahanan hari ini.

Majlis Khatam Al-Quran pada kali ini telah dipimpin oleh PS 2 Agama MTU, Mej Wan Rozali bin Wan Mohamad bersama-sama dengan 22 orang peserta Tadarus Al-Quran yang berjaya menamatkan bacaan 30 juzuk Al-Quran sepanjang hari bekerja di bulan Ramadhan selepas solat Zuhur.

Penyampaian cenderahati kepada peserta Tadarus Al-Quran telah disempurnakan oleh Panglima Tentera Udara, YBhg Jen Tan Sri Dato' Sri Roslan bin Saad TUDM.

